



JUHAR (kiri) menyampaikan cenderamata kepada salah seorang pelajar.

## UMS perlu dana besar perhebat penyelidikan tinggi

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH

i.sabkhanUB@gmail.com

UB 21.10.2012 A3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu suntikan dana yang besar untuk perhebatkan penyelidikan tinggi dan ciptaan teknologi terkini.

Naib Canselor UMS, Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata selagi mereka tidak peduli akan kemajuan ilmu yang sangat berkait rapat dengan perubahan sikap pemikiran maka selagi itulah mereka hanya menjadi pengguna malahan pengkagum teknologi asing semata-mata.

"Urusan penyelidikan sememangnya memerlukan sokongan dan suntikan modal yang sangat besar.

"Saya menyeru kepada mereka yang mahu melihat UMS duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan ciptaan teknologi terkini supaya membantu para penyelidik harus dengan dana yang besar," katanya ketika berucap pada majlis Makan Malam Konvokesyen Ke-14 UMS di sini, pada Jumaat.

Harun berkata, kedudukan negara Jepun dan Korea Selatan yang terkedepan dalam inovasi kerana dibantu sumbangan dana yang banyak dan besar daripada syarikat gergasi korporat mereka untuk membudayakan lagi pemerkasaan penyelidikan tinggi.

"Tanpa dana usahlah cerita soal penyelidikan kerana kita hanya berilusi dalam dunia akademi ini," katanya.

Beliau berkata, 27 September lepas satu pengiktirafan telah dibuat terhadap Institusi Penyelidikan Marin Borneo UMS sebagai satu pusat kecemerlangan yang berpotensi untuk menjadi institusi pengajian tinggi.

"Saya berharap agar Alumni UMS yang memiliki rangkaian komunikasi strategik dengan mana-mana syarikat gergasi antarabangsa agar dapat membantu untuk menambah dana penyelidikan inovasi UMS setiap masa," katanya.

Tambahnya, sesuatu kecemerlangan adalah hasil daripada sikap yang ingin sentiasa melakukan yang terbaik untuk organisasi dan bukan untuk kepentingan nama baik sendiri.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin bersama Toh Puan Norlidah RM Jasni.